

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXVI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA  
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

5. Kedai *Top Up* mesin judi siber semakin bertambah di DUN Penaga.
  - (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat sebanyak sembilan (9) buah kedai topup mesin judi siber di kawasan DUN Penaga. Hasil semakan mendapati kesemua kedai tersebut telah ditutup. Senarai kedai topup mesin judi siber yang telah ditutup adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Kerajaan Negeri memandang serius mengenai operasi kedai *top up* mesin judi siber yang beroperasi secara tidak sah di negeri ini. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama PDRM telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kedai-kedai tersebut supaya ditutup dan tidak lagi beroperasi. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-
    - (i) Membatalkan lesen perniagaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen setelah mendapat pengesahan kewujudan aktiviti judi daripada pihak PDRM; dan

- (ii) PBT tidak meluluskan lesen perniagaan baharu bagi sebarang aktiviti perniagaan yang melibatkan aktiviti perjudian dan perniagaan yang telah diambil tindakan penguatkuasaan oleh pihak PDRM.

## LAMPIRAN A

### **SENARAI KEDAI TOPUP MESIN JUDI SIBER YANG TELAH DITUTUP DI KAWASAN PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA**

BIL	ALAMAT PREMIS	STATUS
1	BERSEBELAHAN SEBUAH RUMAH NO. 1390 B, JALAN KUALA MUDA, 13110 PENAGA, KEPALA BATAS, PULAU PINANG	TUTUP
2	DI ALAMAT 1432 PERMATANG BENDAHARI, 13100 PENAGA, KEPALA BATAS, PULAU PINANG.	TUTUP
3	DI ALAMAT 700 JLN KG SERANI, 13110 PENAGA PULAU PINANG.	TUTUP
4	DI ALAMAT SEBELAH RUMAH 660 JLN KG SERANI, 13110 PENAGA PULAU PINANG.	TUTUP
5	ALAMAT NO G-04, LORONG SINTOK 3 TAMAN PERMATANG SINTOK PENAGA 13000 KEPALA BATAS PULAU PINANG	TUTUP
6	PREMIS ALAMAT NO 381 JALAN PERMATANG BENDAHARI PENAGA 13200 KEPALA BATAS PULAU PINANG	TUTUP
7	PONDOK TIDAK BERALAMAT DI TEPI PANTAI KUALA MUDA PULAU PINANG.	TUTUP
8	DI ALAMAT LOT 1035C, JALAN PERMATANG BENDAHARI PERMATANG TOK LABU 13110 PENAGA PULAU PINANG	TUTUP
9	DI LOT 3076, JALAN PENGKALAN BONGOR 13200 KEPALA BATAS PULAU PINANG	TUTUP